

Headline	Rizab masih mencukupi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	53	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	303 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,148
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,444



THE CNBC CONVERSATION NAJIB RAZAK

Rizab masih mencukupi

Najib tegaskan tiada kawalan modal hadapi tekanan ekonomi

NAJIB ketika ditemu bual pada rakaman Sidang Kemuncak CNBC di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menegaskan Malaysia tidak akan mengenakan kawalan modal buat masa ini dan akan menggunakan instrumen kewangan lain yang sedia ada bagi menangani sebarang tekanan ekonomi.

Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan melaksanakannya sebagai langkah terakhir, namun ekonomi negara dilihat masih mampu berdaya tahan.

"Ekonomi Malaysia masih kukuh berbanding negara lain di rantau ini berikutan kedudukan rizabnya yang besar, selain tabungan tinggi dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji dan Kumpulan Wang Amanah Pencen," katanya pada rakaman Sidang Kemuncak CNBC yang akan disiarkan menerusi rangkaian perniagaan itu pada 5 petang

ini.

Rakaman 30 minit itu dihoskan oleh peneraju terkenal CNBC Martin Soong.

"Kemungkinan untuk melalui krisis adalah minimum. Walaupun wang kita mengalir keluar, rizab kita masih mencukupi berbanding apa yang kita miliki semasa krisis kewangan pada 1997," katanya lagi.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, rizab semasa negara sebanyak AS\$130 bilion berbanding kurang daripada AS\$30 bilion pada 1997.

Kawalan modal bermak-sud pendekatan yang diambil oleh kerajaan atau bank pusat bagi mengehadkan aliran modal asing ke luar-masuk ke dalam ekonomi domestik. Ia termasuk cukai, tarif, undang-undang dan sekatan jumlah secara terang-terangan serta kuasa berdasarkan pasaran.

Malaysia mengenakan kawalan modal pada September 1998 semasa krisis mata wang serantau dalam usaha menyekat serangan spekulatif ke atas ringgit oleh pengurus lindung nilai yang tidak berprinsip, selain bagi menstabilkan ekonomi.

Kawalan modal termasuk menambat ringgit pada RM3.80 kepada dolar, ditarik balik pada Julai 2005.

Sebelum berlaku krisis pada Julai 1997, ringgit didagangkan pada RM2.42 berbanding dolar Amerika Syarikat, namun selepas itu, mata wang tempatan itu susut selepas mata wang serantau yang bermula Baht Thai dan Rupiah Indonesia diserang oleh spekulator.

Najib berkata, kebanyakan hutang negara kini di peringkat domestik, terutama untuk jangka panjang.
- BERNAMA